



MOKHTARUDDIN menunjukkan cara mempertahankan diri kepada muridnya.

## Mokhtaruddin buka gelanggang silat

1 FEB 1985

*PELAKON*  
B. Hartan (M)

*PENCAT SUKTI*  
PENDUDUK Perlis, terutama di Arau, mengenali Mokhtaruddin bukan saja sebagai pelakon filem, tetapi juga sebagai guru silat dan bomoh yang berjaya.

Kepulangannya ke negeri tumpah darahnya baru-baru ini bertujuan mengumpul tenaga muda sebagai anak murid perguruanannya.

Mokhtaruddin yang telah lama menantau di ibu negara untuk merebut peluang berlakon filem adalah anak jati Mohamad Said yang tinggal di kampung Guar Sanji, Arau, Perlis.

Mokhtaruddin kini menubuhkan sebuah Super Silat Seplek Tapak di Perlis dengan keahlian seta-

kat mi seramai 600 orang. Mokhtaruddin sendiri bertindak sebagai pengurus pertubuhan itu.

Pelakon itu mengalu-alukan hasrat jika ada peminat yang ingin menubuhkan cawangan seni silat itu atau menyertai persatuannya.

Di samping menjadi guru silat, Mokhtaruddin juga terkenal sebagai seorang bomoh di kalangan masyarakat Perlis kerana kebolehannya mengubati pelbagai penyakit.

"Setiap ilmu yang ada dalam dada saya bukan untuk dimegahkan atau untuk diri sendiri, tetapi semuanya untuk berbakti kepada orang ramai," jelasnya — HUSSAIN SAAD.